

## Persepsi Pelajar Fakulti Pendidikan Terhadap Makanan Berlogo Halal

Abdul Basit Samat@Darawi & Sahilah Mohd Rodzi

Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Kajian ini dilakukan bagi mengetahui persepsi pelajar tahun tiga Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia terhadap makanan berlogo halal. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengenal pasti pandangan pelajar berkaitan faktorfaktor yang diberi penekanan dalam pemilihan makanan serta kepentingan pemilihan makanan berlogo halal. Seramai 112 orang responden dalam kalangan pelajar tahun tiga Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai, Johor telah terlibat dalam kajian ini. Set soal selidik mengandungi 30 item telah diedarkan kepada responden dan dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi 15.0. Nilai kebolehpercayaan instrumen kajian ialah  $\alpha = 0.817$ . Analisis data dinyatakan dalam bentuk jadual. Secara keseluruhannya hasil kajian menunjukkan responden member persepsi yang positif terhadap aspek yang dikaji. Dapatkan kajian menunjukkan persepsi pelajar terhadap makanan berlogo halal adalah tinggi dengan nilai min 4.41. Manakala min bagi faktor-faktor yang diberi penekanan dalam pemilihan makanan adalah 4.10 dan min bagi kepentingan pemilihan makanan berlogo halal ialah 4.69. Di akhir kajian, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak tertentu untuk diberi perhatian terhadap masalah yang dikaji. Kajian lanjutan juga turut dicadangkan untuk penyelidikan pada masa akan datang.

**Katakunci :** persepsi pelajar, makanan berlogo halal

### Pengenalan

Dunia kini semakin pesat dengan pelbagai kemudahan dan kemajuan teknologi. Seiring dengan itu, pelbagai barang telah diperkenalkan untuk kemudahan dan kesenangan setiap manusia dalam menjalani kehidupan harian. Walau bagaimanapun tidak semua barang yang diperkenalkan dapat digunakan oleh setiap manusia.

Isu kesucian sesuatu produk atau perkhidmatan adalah sensitif kepada masyarakat Islam. Bagi umat Islam, sebarang isu berkaitan dengan persoalan halal dan haram adalah perlu diberi perhatian secara serius. Oleh kerana kepercayaan Islam dibentuk oleh ajaran Islam itu sendiri, maka tiada apa pun yang boleh dipandang remeh (Persatuan Pengguna Pulau Pinang, 2006 : 5).

Islam telah menetapkan supaya setiap umatnya memakan makanan halal sahaja. Ini dijelaskan dari firman Allah iaitu:

يَأَيُّهَا النَّاسُ كُلُّوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُواتِ

الشَّيْطَنِ إِنَّهُ رَّكْنٌ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu”.

( Surah al-Baqarah 2:168 )

Sehubungan itu, pemilihan makanan halal dan baik perlu diambil berat oleh setiap umat Islam. Ini bertujuan memastikan makanan yang digunakan itu tidak memudaraskan manusia itu sendiri. Selain itu, setiap makanan yang dipilih juga perlu dijamin bersih dan suci mengikut hukum syarak (Utusan Malaysia, 5 Mei 2008).

### **Penyataan Masalah**

Di Malaysia, terdapat pelbagai produk yang berada di pasaran seperti produk makanan, minuman, alat solek dan sebagainya mempunyai tanda atau logo halal baik dalam tulisan jawi atau rumi dan mempunyai pelbagai rupa dan bentuk yang berbeza. Isu yang ingin diperkatakan di sini ialah adakah umat Islam peka dengan dengan setiap logo halal yang dipaparkan sewaktu memilih dan membeli barang makanan yang mereka kehendaki ataupun umat Islam tidak ambil peduli dengan isu tersebut. Selain itu, umat Islam kini juga terdedah dengan pelbagai barang terutamanya makanan yang dicampur dengan benda-benda haram yang dilarang oleh syarak.

Melihat kepada permasalahan ini, penyelidik merasakan satu kajian perlu dilakukan kepada pengguna-pengguna Islam untuk mengetahui sejauhmana tahap pengetahuan mereka terhadap isu yang berlaku pada umat Islam kini. Adakah isu yang melanda umat Islam kini dianggap penting atau sebaliknya. Jadi di sini, penyelidik menjalankan kajian kepada pelajar-pelajar Fakulti Pendidikan (FP), Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi pelajar terhadap makanan berlogo halal dan faktor-faktor yang diambil kira dalam memilih produk makanan yang ingin dibeli di samping kepentingan yang dapat diperolehi apabila memilih makanan halal. Adakah dengan isu yang melanda umat Islam kini dijadikan sebagai panduan dan pengajaran kepada mereka dalam memilih sesuatu produk barang yang mereka kehendaki.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini ialah:

1. Mengenalpasti persepsi pelajar terhadap makanan berlogo halal .
2. Mengenalpasti persepsi pelajar tentang faktor-faktor yang diberi penekanan dalam pemilihan makanan.
3. Mengenalpasti kepentingan pemilihan makanan berlogo halal.

### **Kepentingan Kajian**

Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu dan memberi manfaat serta faedah kepada semua pihak terutamanya:

1. Kepekaan pelajar yang beragama Islam dalam mengamalkan hukum halal dan haram.
2. Memberi kesedaran kepada masyarakat Islam untuk memilih makanan berlogo halal dalam kehidupan seharian.
3. Membantu individu dan masyarakat dalam mengatasi ketidakpastian pengambilan makanan berlogo halal dalam kehidupan seharian.

### **Rekabentuk Kajian**

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif yang bertujuan untuk melihat persepsi pelajar Fakulti Pendidikan terhadap makanan berlogo halal. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999: 24), kajian deskriptif ini adalah bertujuan untuk menerangkan keadaan atau perhubungan antara pembolehubah. Kajian ini bertujuan untuk mendapat maklumat daripada responden dengan

menggunakan instrumen soal selidik. Semua maklumat yang diperoleh akan diklasifikasikan dan dinilai secara kuantitatif.

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi dalam kajian ini terdiri daripada semua pelajar Islam tahun tiga Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia iaitu seramai 330 orang daripada 14 kursus seperti di jadual 1

**Jadual 1 : Jumlah Populasi mengikut Kursus**

Bil	Kursus	Jumlah
1	SM Sains serta Pendidikan ( Pengajian Islam ) (SPI)	40
2	SM Sains serta Pendidikan ( Bahasa Inggeris ) (SPL)	16
3	SM Sains serta Pendidikan ( Sains Sukan ) (SPS)	26
4	SM Teknologi serta Pendidikan( Kejuruteraan Awam) (SPA)	16
5	SM Teknologi serta Pendidikan( Kejuruteraan Elektrik) (SPE)	13
6	SM Teknologi serta Pendidikan( Kejuruteraan Mekanikal) (SPJ)	17
7	SM Teknologi serta Pendidikan( Kemahiran Hidup) (SPH)	79
8	SM Sains dan Komputer serta Pendidikan (Fizik) ( SPP)	18
9	SM Sains dan Komputer serta Pendidikan ( Matematik) (SPK)	11
10	SM Sains dan Komputer serta Pendidikan ( Kimia) ( SPT)	24
11	SM Sains serta Pendidikan ( Fizik) (SPF)	25
12	SM Sains serta Pendidikan (Matematik) (SPM)	20
13	SM Sains serta Pendidikan ( Kimia) (SPC)	13
14	SM Sains serta Pendidikan (Sains) (SPN)	12
Jumlah		330

**Sumber:** Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 2009

Populasi kajian ini dikhatuskan terhadap pelajar Islam tahun tiga adalah disebabkan oleh faktor kemudahan dalam memberi jawapan terhadap soal-selidik yang diedarkan dan memudahkan proses pengedaran dan pengumpulan data. Keseluruhan populasi menjadi sampel dalam kajian dan set borang soal selidik telah diberikan kepada ketua kelas mengikut kursus masing-masing untuk diedarkan kepada setiap responden. Walau bagaimanapun, daripada 330 orang tersebut hanya 112 sahaja yang mengembalikan set soal selidik. Ini bermakna 34% daripada jumlah populasi adalah mencukupi untuk menjadi sampel kerana menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999: 38), 30% daripada jumlah populasi sudah mencukupi untuk dijadikan sampel kajian.

### **Instrumen Kajian**

Semasa melaksanakan kajian ini, dua jenis data diperlukan dalam proses menyiapkan kajian ini iaitu data primer dan data sekunder.

**Pengumpulan Data Primer :**Dalam melaksanakan kajian ini, penyelidik telah menyediakan set boring soal selidik yang digunakan sebagai instrumen kajian. Menurut Mohd. Majid Konting

(2005:202), soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan fakta-fakta seperti kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Set soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu A, B, C dan D. Bahagian A adalah mengenai demografi atau latar belakang responden. Manakala bahagian B, C dan D pula mengandungi jumlah kesemua soalan yang perlu dijawab oleh responden iaitu merangkumi 30 item bagi memenuhi objektif kajian. Bahagian A merupakan set soal selidik yang mengandungi 5 item berkaitan dengan latar belakang responden. Aspek-aspek yang akan disoal dalam bahagian ini ialah umur, jantina, kursus, sekolah dan kelayakan ketika memasuki UTM. Manakala bahagian B pula mengandungi 11 item untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap makanan berlogo halal. Bahagian C pula mengandungi item untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap faktor-faktor yang diberi penekanan dalam pemilihan makanan dan bahagian D mengandungi 8 item iaitu untuk mengenalpasti kepentingan pemilihan makanan berlogo halal. Dalam bahagian B, C dan D, penyelidik menggunakan skala Likert. Responden dikehendaki menandakan jawapan mengenai sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem yang lain (Mohd Najib Abdul Ghafar, 1999:97). Penyelidik menggunakan soal selidik yang bersifat positif dan negatif yang bertujuan untuk mengalakkkan responden memberi maklum balas yang dikehendaki dalam pemilihan jawapan skala Likert yang menjadi pengukur untuk menjelaskan setiap skor yang diperolehi daripada item-item yang terbabit.

**Pengumpulan Data Sekunder :** Data-data sekunder yang sesuai amat diperlukan bagi mendapatkan maklumat tertentu dan sekaligus dapat menyokong kajian yang dijalankan ini. Data-data ini diperolehi melalui:

- a) Buku-buku, laporan kajian dan penyelidikan bertulis di Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ), UTM.
- b) Laporan kajian dan penyelidikan bertulis di bilik tesis Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia.
- c) Buku-buku dan jurnal di Perpustakaan Negara Malaysia.
- d) Buku-buku, laporan kajian dan penyelidikan bertulis di Pusat Sumber Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- e) Buku-buku dan laporan kajian di Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- f) Surat khabar, artikel dan majalah.
- g) Internet.

### Kajian Rintis

Sebelum melakukan kajian sebenar ke atas responden, penyelidik terlebih dahulu melakukan kajian rintis. Tujuan kajian rintis ini adalah untuk mengetahui kebolehpercayaan dan kesahan item-item soal selidik yang dibina oleh penyelidik. Menurut Sidek Mohd Noah (2002: 62) sesuatu ujian itu dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi sekiranya skor yang sama diperolehi individu yang sama dengan menjawab ujian yang sama pada masa yang berbeza.

Penyelidik telah mengambil set soal selidik dari kajian Siti Rosni sebagai panduan dalam membuat soalan soal selidik tersebut. Penyelidik menjalankan kajian rintis ke atas pelajar tahun empat Fakulti Pendidikan kerana mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel kajian. Kajian rintis hanya memilih 15 orang secara rawak sebagai pengujian kepada soal selidik ini. Bagi mencari nilai *Alpha Cronbach*, pekali kebolehpercayaan bagi kajian rintis ini adalah ditentukan dengan menggunakan perisian komputer “*Statistical Package For Social Science*” (SPSS) versi

15.0. Hasil daripada kajian rintis ini, beberapa item yang dirasakan tidak memenuhi piawaian diubahsuai bagi memastikan tahap kebolehpercayaan item adalah berada pada tahap tinggi untuk digunakan pada kajian sebenar. Berdasarkan analisis yang dibuat, *alpha* yang diperolehi dari kajian rintis ini ialah 0.817. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999: 100), sekiranya nilai *Alpha Cronbach* melebihi 0.8, bermakna tahap kesahan atau kebolehpercayaan item yang di uji adalah tinggi. Ini menunjukkan soalan yang telah direkabentuk oleh penyelidik mempunyai tahap kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi.

### **Analisis Keseluruhan**

Analisis keseluruhan ini adalah berkaitan dengan analisis ketiga-tiga objektif kajian. Berikut ditunjukkan analisis keseluruhan bagi setiap objektif kajian :

Berdasarkan kepada jadual 2 bagi item 1 menunjukkan 99 orang responden (88.4%) bersetuju dengan kenyataan yang dinyatakan, manakala 13 responden (11.6%) tidak bersetuju. Min bagi item 1 adalah tinggi iaitu 4.37.

Bagi item 2 pula yang mana ia merupakan soalan berbentuk negatif, seramai 90 responden (80.3%) bersetuju dengan mengatakan mereka tidak sanggup membeli makanan di premis bukan Islam walaupun mereka memaparkan logo halal di premis tersebut. Selain itu, 22 responden (19.7%) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Min bagi item ini ialah 3.65.

Bagi item 3 dalam jadual yang sama juga, seramai 109 responden (97.3%) setuju dengan item ini dan bakinya 3 responden (2.7%) tidak bersetuju. Min bagi item ini pula ialah 4.67.

Seterusnya dalam item 4 pula seramai 97 responden (86.6%) bersetuju dengan kenyataan “Bagi saya hanya JAKIM dan Majlis Agama Islam sahaja yang boleh mengeluarkan logo halal untuk sesuatu produk di Malaysia” dan bakinya seramai 15 responden (13.4%) tidak bersetuju. Min bagi item ini ialah 4.32.

Item 5 dalam jadual 4.36 juga menjelaskan bahawa seramai 81 responden (72.3%) setuju dengan kenyataan tersebut dan 31 responden (27.7%) tidak bersetuju. Min bagi item ini pula ialah 4.05.

Seterusnya seramai 105 responden (93.7%) bersetuju dengan kenyataan pada item 6, manakala bakinya seramai 7 responden (6.3%) tidak bersetuju. Min bagi item ini ialah 4.57.

Bagi item 7 pula, seramai 107 responden (95.5%) setuju dengan kenyataan “Penggunaan logo halal yang diselaraskan dapat mengelakkan kekeliruan kepada umat Islam”. Hanya 5 responden (4.5%) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Min bagi item ini ialah 4.66.

**Jadual 2 :** Rumusan dapatan kajian untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap makanan berlogo halal.

No.	Item	Setuju		Tidak Setuju		Min
		K	%	K	%	
1	Saya sentiasa peka dengan isu logo halal.	99	88.4	13	11.6	4.37
*2	Saya sanggup membeli makanan di premis bukan Islam jika mereka memaparkan logo halal di premis tersebut.	90	80.3	22	19.7	3.65

3	Saya tahu bahawa JAKIM adalah sebuah badan yang bertanggungjawab mengeluarkan sijil dan logo halal di Malaysia.	109	97.3	3	2.7	4.67
4	Bagi saya JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri sahaja yang boleh mengeluarkan logo halal untuk sesuatu produk di Malaysia.	97	86.6	15	13.4	4.32
5	Saya dapat mengenali logo halal JAKIM dengan betul sewaktu membeli makanan.	81	72.3	31	27.7	4.05
6	Bagi saya pengesahan halal dalam bentuk logo perlu untuk memudahkan pengguna memilih makanan yang halal.	105	93.7	7	6.3	4.57
7	Penggunaan logo halal yang diselaraskan dapat mengelakkan kekeliruan kepada umat Islam.	107	95.5	5	4.5	4.66
*8	Bagi saya penggunaan logo halal pada makanan TIDAK perlu kerana pengguna tahu membezakan makanan yang halal dan haram.	105	93.7	7	6.3	4.56
9	Bagi saya penggunaan logo halal pada makanan hendaklah mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi agar ia tidak diseleweng oleh pihak tertentu.	107	95.5	5	4.5	4.68
10	Bagi saya logo halal tidak hanya perlu kepada produk yang sedia dibungkus tetapi pada makanan basah juga.	93	83.0	19	17.0	4.32
11	Saya merasakan sijil dan logo halal perlu dipamerkan pada barang gunaan orang Islam terutamanya pada makanan.	106	94.6	6	5.4	4.67
<b>Purata Min Keseluruhan</b>						<b>4.41</b>

Nota: Min bagi item berbentuk negatif yang bertanda (\*) : Skor telah diterbalikkan

Bagi item 8, dengan min sebanyak 4.56, seramai 105 responden (93.7%) tidak bersetuju dengan kenyataan pada item tersebut dan 7 responden (6.3%) bersetuju.

Min yang tertinggi pada jadual 4.36 ini ialah pada item 9 iaitu sebanyak 4.68. Seramai 107 responden (95.5%) bersetuju dengan kenyataan ini dan 5 responden (4.5%) tidak bersetuju.

Seterusnya pada item 10, seramai 93 responden (83%) setuju dengan kenyataan bahawa logo halal bukan sahaja perlu pada makanan bungkus tetapi juga pada makanan basah. Bakinya seramai 19 responden (17%) tidak bersetuju. Min bagi item ini ialah 4.32.

Bagi item 11, seramai 106 responden (94.6%) bersetuju dan 6 responden (5.4%) tidak bersetuju. Min bagi item ini pula ialah 4.67. Akhir sekali min keseluruhan bagi jadual 4.36 ini ialah 4.41.

## Rumusan

Sebanyak 11 item telah dikemukakan melalui soal selidik untuk mendapat maklum balas bagi objektif pertama iaitu untuk mengenalpasti persepsi pelajar Fakulti Pendidikan terhadap makanan berlogo halal. Hasil dapatan kajian bagi bahagian B mendapat seramai 99 responden (88.4%) bersetuju dengan item 1 iaitu mereka sentiasa peka dengan isu logo halal. Hal ini kerana terdapat pelbagai isu berkaitan dengan logo halal antaranya dua kilang pengeluar sosej diserbu kerana menggunakan sarung kulit sosej daripada usus babi. Selain itu kilang tersebut juga telah menggunakan sijil halal yang telah tamat tempoh (Berita Harian, 15 Mac 2005). Selain itu, terdapat juga isu berkaitan dengan minuman ringan beralkohol yang menggunakan label buah. Kejadian ini berlaku di Alor Setar, Kedah yang mana pengusaha tersebut hanya mencetak kandungan alkohol dalam saiz yang kecil sehingga menyebabkan pengguna menyangka bahawa ia adalah air minuman buah-buahan (Utusan Malaysia, 1 Februari 2008). Pengguna dinasihatkan supaya memastikan setiap makanan yang dibeli mempunyai sijil halal yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama Islam di negara ini. Dalam hal ini, JAKIM telah menerbitkan buku *Halal Directory* dan juga mewujudkan *e-Halal* dalam laman web JAKIM untuk memudahkan pihak industri dan pengguna mendapatkan maklumat dan perkembangan semasa berkaitan isu-isu makanan halal (Engku Ahmad Zaki, 2005:24).

Di samping itu, kebanyakan responden iaitu seramai 90 orang (80.3%) tidak bersetuju dengan item 2. Ini kerana terdapat sesetengah premis makanan meletakkan logo halal JAKIM ‘tiruan’ digunakan dengan meluas semata-mata untuk mlariskan barang dan mengaburi mata pengguna Islam yang tidak prihatin (Utusan Malaysia, 6 Februari 2009).

Bagi item 3 dan 4 pula, seramai 109 responden (97.3%) bersetuju dengan item 3 dan 97 responden (86.6%) bersetuju dengan item 4 yang mana responden mengetahui bahawa JAKIM dan Majlis Agama Islam sahaja yang bertanggungjawab mengeluarkan sijil halal. Pengagihan kuasa ini terkandung dalam persefahaman yang dicapai oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri iaitu syarikat tempatan yang mengeluarkan produk untuk pasaran sesebuah negeri sahaja boleh mendapat pengesahan majlis agama Islam negeri berkenaan dan logo halal yang dikeluarkan oleh JAKIM adalah digunakan untuk tujuan import dan eksport serta premis yang mempunyai rangkaian antara negeri-negeri lain di Malaysia (JAKIM, 2003:30).

Seramai 81 responden (72.3%) bersetuju dengan item 5 dan 107 responden (95.5%) bersetuju dengan item 7 dan 9. Item-item ini menjelaskan ciri-ciri logo halal JAKIM yang perlu dikenalpasti dengan tepat sebelum membeli makanan. Pada tahun 2003 JAKIM telah memperkenalkan logo halal yang baru dengan ciri-ciri keselamatan tinggi bagi mengelakkan sebarang bentuk penyelewengan, penipuan dan kekeliruan di kalangan pengguna (JAKIM, 2003:30). Timbalan Ketua Pengarah JAKIM, Che Min Che Ahmad menjelaskan logo halal yang baru ini terdiri perkataan “Malaysia” bagi menggantikan “Jabatan Kemajuan Islam Malaysia”, perkataan halal dalam tulisan jawi dan kod pendaftaran seperti H-15 bagi logo Halal Majlis Agama Islam Negeri mengikut negeri (Utusan Malaysia, 1 Oktober 2003). Selain itu, untuk membezakan logo halal JAKIM dengan logo halal JAIN ialah, bagi logo halal yang dikeluarkan JAKIM adalah berbentuk bulat dan terdapat perkataan Malaysia dalam tulisan jawi dan rumi disekeliling bulatan manakala di bahagian tengah bulatan terdapat perkataan halal jawi dan rumi. Bagi logo halal JAIN pula, logonya adalah logo yang sama tetapi terdapat perbezaan dibawah perkataan halal tulisan rumi iaitu terdapat kolumn bertulis H – diikuti nombor pendaftaran mengikut negeri sebagai contoh bagi negeri Selangor (H-10), bagi Wilayah Persekutuan (H-14) dan bagi negeri Johor (H-01) (Akmar Zuraini Daud et.al, 2008: 41-42) .

Selain itu responden juga merasakan pengesahan logo halal adalah penting dan perlu dipamerkan. Ini kerana seramai 105 responden (93.7%) bersetuju dengan item 6 dan 106 responden (94.6%) bersetuju dengan item 11. Ini kerana tujuan pensijilan halal JAKIM ialah untuk menjaga kepentingan dan kebajikan pengguna Muslim dan membantu pengguna Muslim mengatasi masalah berkaitan halal dan haram dalam makanan dan bahan gunaan umat Islam. Ia juga dapat membantu pengguna Islam membezakan antara makanan yang mendapat pengesahan dari kerajaan atau tidak. Ini juga akan menghilangkan rasa was-was dalam diri pengguna Islam ketika membeli dan menggunakan sesuatu barang makanan (Yaakob Che Man, 2008:5-10).

Bagi item 8 pula, 105 responden (93.7%) tidak bersetuju bahawa penggunaan logo halal adalah tidak perlu. Program pensijilan halal ini memberi satu petunjuk bahawa makanan yang dihasilkan oleh pengusaha dijamin halal oleh kerajaan. Ini memberi satu saingen sihat di antara pengusaha makanan dan pengguna Muslim akan lebih selesa dan terjamin tentang status halal makanan yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat pengusaha (Yaakob Che Man, 2008:8).

Akhir sekali bagi item 10, seramai 93 responden (83%) bersetuju dengan mengatakan logo halal juga perlu diletakkan pada makanan basah juga. Pensijilan makanan halal perlulah melibatkan pemeriksaan bahan mentah, ramuan, proses penyediaan, penyembelihan, pembersihan, pemprosesan, pengendalian, sanitasi, penyimpanan, pengangkutan dan amalan pengurusan makanan tersebut (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2004:1).

## Rujukan

- Amiruddin Ahmad Kamal (2001, Mei 27). Kerajaan Sedia Selaras Logo Halal. *Berita Harian*.
- Ann Abdullah (2005). Apabila Tanda Halal Menjadi Jenama Kormersial. *Majalah i*. Halaman:20-21.
- Direktori Halal Malaysia 2003-2004* (2004). Putrajaya: JAKIM.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2005). Selain Halal, Perlu Suci dan Bersih. *Majalah i*. Halaman:24-25.
- Ensiklopedia Islam Untuk Pelajar* (2003). Jilid 2. Era Visi Publication Sdn.Bhd.
- Halal Haram, Buku Penting Untuk Umat Islam* (2006). Pulau Pinang: Persatuan Pengguna Pulau Pinang.
- Helmi Mohd Foad (2003, Januari 30). Pelabelan Halal Produk Makanan. *Utusan Malaysia*.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2008). *Permohonan Sijil Dan Logo Halal* [Pemplat]. Putrajaya : JAKIM.
- JAKIM Perkenal Logo Halal Baru*. (2003, Oktober 1). Utusan Malaysia.
- Kamus Bahasa Melayu Nusantara* (2003). Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Kamus Pelajar* (2000). Cetakan Ke empat Belas. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Za'ba* (2000). Pustaka Antara Books Sdn.Bhd.
- Muhamad Safar Ahmad (2007, Jun 8). *Menangani Penyelewengan Produk Halal Diambil pada 2 Ogos 2008 dari <http://produkhalal.wordpress.com/>*.
- Naziyan bt. Nasiman (2004). *Produk Makanan Halal di Malaysia Menurut Perspektif Ekonomi Islam*. Projek Sarjana Muda, Universiti Malaya.
- Produk Belacan Guna Logo Halal Palsu. (2008, Januari 29). *Utusan Malaysia*. Diambil pada 15 Ogos 2008 dari <http://www.utusan.com.my>
- Rohaniza Idris (2005, Mac 29). Sosej Keluaran Dua Kilang Tiada Bahan Asas Babi. *Berita Harian*.
- Rozilan Salleh dan Hata Wahari (2004, Ogos 17). Tingkatkan Pasaran Makanan Halal- PM. *Utusan Malaysia*.